



KETUA PENGARAH KERJA RAYA

DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC WORKS

Ruj. Kami : JKR.KPKR:121.010/05 Jld. 21 (8)

Tarikh : 17 Disember 2020

Semua Pengarah Kanan/Pengarah Cawangan Ibu Pejabat JKR

Semua Pengarah Kerja Raya Negeri

Semua Pengarah Kerja Raya Wilayah Persekutuan

Semua Pengarah/Pengurus Pembinaan

Pengarah JKR KESEDAR

Pengarah JKR KETENGAH

Semua Jurutera Daerah

SURAT ARAHAN KPKR BIL. 21/2020

PEMAKAIAN DOKUMEN GARIS PANDUAN PENJADUALAN PROJEK BAGI PELAKSANAAN PROJEK DI PERINGKAT PEMBINAAN

1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Arahan ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai pindaan dan penambahbaikan maklumat yang terkandung di dalam Dokumen Garis Panduan Program Kerja seperti yang telah diedarkan melalui Surat Arahan KPKR Bil. 15/2014 bertarikh 22 Julai 2014 kepada maklumat terkini yang dikemas kini seperti di dalam Dokumen Garis Panduan Program Kerja (Pindaan Ogos 2020) berdasarkan perkembangan dan keperluan semasa pelaksanaan projek pembinaan.

1/5

Jabatan Kerja Raya Malaysia

Public Works Department Malaysia

Aras 33, Menara Kerja Raya, Ibu Pejabat JKR Malaysia, Jalan Sultan Salahuddin, 50480 Kuala Lumpur


Tel.: 03-2618 8421 Faks: 03-2618 8799 <https://www.jkr.gov.my>



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03597



CERTIFIED TO ISO 14001:2015
CERT. NO.: EMS 00227



CERTIFIED TO ISO 45001:2018
CERT. NO.: OHS 00604



CERTIFIED TO ISO 50001:2018
CERT. NO.: EnMS 00111

Ruj. Kami : JKR.KPKR:121.010/05 Jld. 21 (8)

Tarikh : 17 Disember 2020

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pindaan yang dilakukan di dalam dokumen Garis Panduan Program Kerja (Pindaan Ogos 2020) ini adalah untuk mengemas kini dokumen dan elemen-elemen bagi Membangunkan Program Kerja (*Developing Work Programme*) serta penambahbaikan kepada Penilaian Pematuhan Penjadualan (*Schedule Conformance Assessment*). Perubahan kepada dokumen juga dibuat untuk membantu Pengurus Projek bagi memantau (*supervise*), mengawal (*control*) dan mengesan (*track*) kemajuan aktiviti projek, seterusnya menyemak dan menilai program kerja yang dikemukakan oleh pihak kontraktor.

3.0 KAEDAH PELAKSANAAN

- 3.1 Garis panduan ini terdiri daripada senarai semak dan panduan bagi penyediaan/ penilaian program kerja iaitu daripada peringkat perancangan hingga ke peringkat semakan:

3.1.1 PERINGKAT PERANCANGAN (*PLANNING*)

- Rujuk *Appendix B*

3.1.2 PERINGKAT PELAKSANAAN (*PROGRESS*)

- Rujuk *Appendix C*

3.1.3 PERINGKAT SEMAKAN (*REVISION*)

- Rujuk *Appendix D*

- 3.2 Semua Pengurus Projek JKR termasuk Pegawai Penguasa/ Wakil Pegawai Penguasa dikehendaki untuk menggunakan dokumen Garis Panduan Program Kerja ini bagi maksud tujuan di atas.

Ruj. Kami : JKR.KPKR:121.010/05 Jld. 21 (8)

Tarikh : 17 Disember 2020

- 3.3 Dokumen garis panduan ini perlu diperluaskan pemahaman dan penggunaannya kepada semua pegawai JKR yang memantau dan mengawal projek sama ada di Ibu Pejabat atau di pejabat JKR Negeri dan JKR Daerah bagi memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan seterusnya dapat memenuhi jangkaan dan kehendak pelanggan.

4.0 EDARAN DAN KAWALAN DOKUMEN

- 4.1 Salinan dokumen boleh diakses melalui laman web JPedia JKR melalui pautan <http://jpedia.jkr.gov.my>. Sebarang pindaan atau perubahan kepada dokumen ini akan dikemas kini di dalam laman web berkenaan.
- 4.2 Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Pengarah Kanan,
Cawangan Perancangan Aset Bersepadu,
Ibu Pejabat JKR Malaysia,
Tingkat 28, Menara PJD,
No. 50, Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur.
(u.p. : Unit Sistem & Kompetensi Pengurusan Projek,
Bahagian Pengurusan Projek Kompleks)
Tel : 03-2610 8888 (Talian Am JKR)
Faks : 03-4041 1940

Ruj. Kami : JKR.KPKR:121.010/05 Jld. 21 (8)

Tarikh : 17 Disember 2020

5.0 KUAT KUASA

- 5.1 Surat Arahan ini berkuat kuasa serta-merta dan terpakai bagi tempoh **LIMA TAHUN** dari tarikh ia ditandatangani melainkan jika terdapat arahan dasar terkini atau perkembangan baharu yang memerlukan dikaji semula dan dikemas kini lebih awal atau sebelum tempoh tersebut berakhir.
- 5.2 Dengan berkuat kuasanya arahan ini, Surat Arahan KPKR Bil. 15/2014 bertarikh 22 Julai 2014 adalah **DIBATALKAN**.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

(DATO' Ir. HAJI MOHAMAD ZULKERLY BIN SULAIMAN)

Ruj. Kami : JKR.KPKR:121.010/05 Jld. 21 (8)
Tarikh : 17 Disember 2020

- s.k.
- Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Bangunan)
 - Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Infra)
 - Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Pakar)
 - Pengarah Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat